

Wanita Islam Dengan Soal Poligami

(Sambungan Qalam bilangan 212)

Di dalam makalah ini kita dapat mengetahui bahawa walau bagaimana cermatnya isteri-isteri Rasulullah menjaga diri masing-masing daripada melakukan sesuatu perbuatan yang sampai melanggar tata susila kehidupan rumah tangga Rasul-Allah yang bersuasana aman dan damai itu, namun sekali-sekala terjadi juga pertempuran mulut di antara mereka sesama sendiri sehingga Rasulullah menghadapi kesukaran yang tidak boleh dipandang ringan. Tetapi dengan kebijaksanaan baginda soal itu dapat baginda selesaikan dengan secara aman dan damai – Pengarang.

(Oleh: Ummu Muhsin)

Alam Wanita

Berbilang-bilang Isteri:

Sebelum kita masuk dalam soal mengenai berbilang-bilang isteri dan kehidupan bermadu di dalam rumah tangga Rasulullah, maka sudah semestinya terlebih dulu kita menyentuh dua masalah besar di dalam kehidupan Nabi bersama-sama dengan beberapa orang isterinya, iaitu soal keadilan melayani di antara satu isteri dengan isteri yang lain dengan memandang sama rata terhadap kesemua isteri-isteri itu. Masalah kedua pula ialah soal kejujuran menghadapi isteri-isteri yang mempunyai berbagai-bagai sifat dan perangai semula jadi. Kedua-dua masalah ini – keadilan dan kejujuran – jika tiada dapat dilaksanakan oleh seorang suami yang berpoligami, maka tunggulah saat runtuhnya rumah tangga itu. Kerana menghadapi sifat isteri-isteri yang berlainan tabiat dan perasaan itu bukanlah suatu perkara yang mudah.

Dalam soal berbilang isteri banyaklah yang telah diperkatakan oleh orientalis-orientalis Barat. Mereka memandang suatu kumpulan isteri-isteri yang terletak di bawah kekuasaan seorang suami,

tidaklah lain daripada suatu alamat yang menunjukkan setakat mana kuat dan ganasnya nafsu jintina¹ yang ada pada suami itu. Apa yang mereka pandang itu adalah suatu tohmah (tuduhan) yang karut semata-mata, tohmah yang timbul daripada perasaan fanatic dan niat jahat terhadap Islam yang mengharuskan berpoligami itu. Kita berani mengatakan bahawa pendapat-pendapat mereka itu adalah jauh terpesong daripada jalan penyelidikan yang berdasarkan ilmiah. Mereka dengan tidak mengkaji lebih dahulu terus menolak mentah-mentah dasar Islam mengharuskan poligami itu, dalam soal ini mereka mengukur dari segi keadaan zaman yang ada sekarang ini, zaman mengikuti selera kaum wanita yang tidak suka dimadukan. Pada hal hikmah-hikmah yang terkandung di dalam poligami yang berdasarkan keadilan dan kejujuran itu tidak mahu mereka selidiki dengan sedalam-dalamnya.

Hanya pandai mencaci:

Dunia Barat hari ini tidak berani mengakui bahawa peraturan beristeri satu, melarang poligami yang sedang mereka amalkan pada hari ini adalah menjamin kehormatan kaum wanita di dalam masyarakat moden. Mereka hanya pandai mencaci tetapi tak beran membuktikan bahawa peraturan beristeri satu itu menjamin kebuasan seorang suami di luar rumah tangga. Ada di antara penulis-penulis Barat yang berani mencaci perbuatan berbilang isteri yang telah dilakukan oleh Nabi Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pada zaman empat belas abad yang silam. Tetapi mereka tidak membaca buku-buku sejarah Islam yang menyatakan dengan jelas mengapa perkara poligami itu menjadi suatu perkara biasa di dalam masyarakat orang-orang Arab yang hidup di tengah-tengah gurun padang pasir yang luas saujana itu.

¹ Mungkin dimaksudkan dengan jantina walaupun tidak berapa tepat dengan maksud ayat

Alam Wanita...

Peraturan berbilang isteri yang diamalkan dalam masyarakat Arab di zaman itu sebenarnya bukanlah suatu peraturan yang dijalankan sesuka hati berdasarkan kemahuan hawa nafsu jintina yang buas, tetapi peraturan itu diperaktikkan dengan paksaan dari keadaan tabiat dan iklim padang Sahara yang susunan masyarakatnya terdiri daripada kaum dan kabilah yang berbilang asal keturunan.

Poligami menyelamatkan kaum wanita:

Barangkali dengan pandangan mata kasar akan ternyata kepada kita, bahawa peraturan yang mengharuskan berpoligami itu adalah suatu alamat yang menunjukkan perbuatan “memperhambakan kaum wanita” yang bertujuan semata-mata untuk memuaskan nafsu kaum lelaki. Tetapi jika diselidiki dengan halus dan teliti, maka ternyata bahawa poligami itu lebih banyak meletakkan beban yang berat ke atas pundak kaum lelaki, di samping itu berpoligami mengandungi beberapa tujuan yang suci demi untuk menyelamatkan kaum wanita daripada tercebur ke lembah kehinaan, menghindarkan mereka daripada tercebur kepada “perhambaan zaman moden” di mana kaum wanita dijadikan mangsa nafsu kejiwaan kaum lelaki di luar nikah.

Wanita yang rugi dalam segala-galanya ialah wanita yang membayar harga yang mahal (dengan mengorbankan maruah dan nasibnya) dan kerugian itu menimpa pula ke atas beribu-ribu kanak-kanak yang bertempiaran tidak tentu siapa ibu bapanya. Bahkan kerugian itu akan

menimpa juga ke atas masyarakat yang hidup sengsara, celaka dan menderita.

Sifat monopolii:

Dalam membicarakan soal berbilang isteri, ada suatu segi yang halus yang selalu tidak disedari oleh kebanyakan orang, yaitu tentang sifat kaum wanita yang tidak bersamaan. Ada kalanya sifat seorang wanita itu suka monopoli kebahagiaan hidup seorang suami dengan sepenuhnya. Ada pula setengahnya suka bertolak ansur sekali pun ia boleh menguasai kebahagiaan seorang suami itu dengan sepenuhnya.

Sifat-sifat inilah yang selalu dihadapi oleh Rasulullah di dalam melalui bahtera rumah tangga. Sifat-sifat wanita yang seumpama inilah yang menimbulkan perasaan cemburu, merajuk dan iri hati di kalangan isteri-isteri Nabi yang bermadu itu, tetapi kerana Nabi berpandukan sifat adil, sabar dan dengan bijaksana menghadapi soal-soal ini, maka menjadikan setiap wanita yang menjadi isteri itu, reda hidup di sampingnya dengan perasaan gembira dan berpuas hati. Sifat-sifat tamak ingin monopoli kebahagiaan hidup seorang suami itu dapat dihapuskan dari jiwa mereka sekali pun tidak dengan sepenuhnya. Kalau masalah ini kita jadikan suatu masalah ilmu hisab, nescaya kita akan berkata bahawa sepersepuluh seorang lelaki seperti Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* tidak akan dapat dibandingkan dia dengan kaum lelaki seluruhnya.

Sifat bertolak ansur:

Tidak ada seorang pun di antara isteri-isteri Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi*

wa sallam yang telah menduduki rumah tangga baginda yang aman damai itu berniat untuk membolot dan monopolii kebahagiaan hidup baginda (yakni dengan tidak pernah memikirkan bahawa dia telah didahului oleh seorang isteri atau beberapa orang madu yang lain), kerana soal berbilang isteri atau berpoligami ini sudah menjadi suatu perkara biasa di dalam masyarakat hidup orang-orang Arab, di zaman itu.

Kalau kita meninjau lembaran sejarah Islam di zaman Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* dan para sahabatnya kita dapat mengetahui bahawa Khawlah binti Hakim telah mengesyorkan kepada Rasulullah supaya baginda meminang Aisyah binti Abu Bakar al-Siddiq dan Saudah binti Zam’ah dijadikan isteri baginda dalam masa ang serentak, dan bahawa *Ummu Mukminin* Maimunah binti al-Harith telah menawarkan dirinya hendak bersuamikan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, pada hal pada ketika itu ia mengetahui bahawa baginda sudah ada mempunyai delapan orang isteri.

Demikian pula Saiyidina Umar telah menawarkan puterinya Hafsa supaya diperisterikan oleh Saiyidina Abu Bakar yang telah mempunyai isteri. Saiyidina Ali juga sudah bercita-cita hendak beristeri seorang lagi, pada hal pada masa itu ia sudah ada mempunyai seorang isteri yaitu Siti Fatimah al-Zahra’ binti al-Rasul. (walau pun pada akhirnya Saiyidina Ali telah membatalkan cita-citanya itu, tetapi selepas daripada Siti Fatimah meninggal dunia ia telah beristeri lebih dari satu).

Alam Wanita...

Dipengaruhi sifat semula jadi:

Bagaimana mendalamnya perasaan cinta dan kasih sayang yang tertanam di lubuk hati *ummahat al-mukminin* terhadap Rasulullah sudah tentu tak dapat kita katakan di sini, kalau sekiranya isteri-isteri baginda itu disuruh memilih di antara kehidupan bermadu di samping Rasulullah dengan suatu kehidupan yang tanpa bermadu di samping suami yang lain nescaya mereka lebih suka memilih yang pertama yaitu hidup bermadu di samping Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Dalam pada itu, walau bagaimana pun mereka mencuba hendak menghapuskan tabiat semua jadi yang ada pada setiap kaum wanita, mereka hampir-hampir tak dapat berbuat demikian. Perasaan cemburu, merajuk, iri hati dan sikap berlawan-lawanan di antara satu sama lain, masih menggoda perasaan mereka, demi untuk mengurangkan sifat-sifat tersebut, maka mereka terpaksa menahan hati daripada ditembusi oleh perasaan-perasaan cemburu, merajuk dan iri hati itu, demi untuk menjaga ketenteraman hati Rasulullah dalam menghadapi soal rumah tangga dan soal menegakkan agama Allah di kalangan masyarakat bangsanya di kota Mekah.

Suami yang bijaksana:

Dalam pada itu sekali sekala rumah tangga Rasulullah tidak pula sunyi daripada diserang oleh penyakit cemburu yang telah dinyalakan oleh isteri-isteri baginda, sehingga pada

saat itu membayangkan seolah-olah dalam rumah tangga baginda itu akan menjadi suatu medan pertempuran mulut kaum wanita, lantaran boleh dikatakan kesemua isteri-isteri baginda itu kedapatan berlumba hendak membolot perasaan kasih seorang suami yang sangat mereka cintai itu. Tidak syak lagi dalam menghadapi soal kaum wanita yang berada di dalam rumah tangganya sendiri, Rasulullah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sekali sekala terpaksa mengalami kesukaran-kesukaran yang tidak boleh dipandang ringan, baginda dengan kebijaksanaannya terpaksa melayan dan menyelesaikan soal tersebut dengan secara aman damai.

Kejadian ini adalah menunjukkan dengan jelas akan kesempurnaan sifat-sifat dan tabiat semula jadi Rasul Allah *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam* dan betapa mendalamnya pengertian baginda terhadap tabiat kaum hawa yang ingin monopoli perasaan kasih mesra seorang suami. Isteri-isteri baginda pula sedia maklum akan kelebihan sifat-sifat mulia yang tertanam di lubuk hati suami mereka sebagai seorang Nabi dan seorang Rasul pilihan Tuhan. Selepas daripada mereka melakukan sesuatu perbuatan yang melanggar tata susila rumah tangga sebagai isteri-isteri Nabi yang telah mendapat gelaran "*ummahat al-mukminin*" (ibu sekalian orang-orang mukminin) yang sepatutnya mereka mesti bersikap damai dan bertolak ansur, mereka merasa nikmat sewaktu menerima nasihat-nasihat dan teguran-teguran daripada Rasulullah dengan diiringi kata-kata yang mengandungi madu dan tingkah laku yang lemah lembut itu. Akhirnya mereka insaf dan menyesal atas segala

perbuatan-perbuatan mereka yang sampai menyenggung dan menyakitkan hati Rasulullah itu.

Mereka mengerti dan faham walau bagaimana hebat menyalanya perasaan cemburu mereka terhadap satu sama lain (sehingga mendorongkan mereka melakukan sesuatu perbuatan yang menyakiti hati baginda), namun orang yang seperti Rasulullah adalah sentiasa bersedia memaafkan segala kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan itu, dengan tidak memandang bahawa sifat-sifat kelemahan yang ada pada seseorang manusia itu merupakan suatu dosa yang tidak boleh diampunkan. Hatinya tidak lekas berasa benci di atas suatu kesalahan yang dilakukan oleh isteri-isteri baginda yang terdiri daripada kaum hawa yang bersifat lemah dan mudah terpengaruh dengan tabiat-tabiat semula jadi mereka.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah IV

GABNOR DAN

HAKIM

sa-buah 60 sen.

belanja pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah V

DUSTA YAHUDI

Harga 40 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.